

12 JUL 1999

Syed Hamid-Singapura

M'SIA DAN S'PURA TUMPU HUBUNGAN JANGKA PANJANG

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 12 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Singapura akan memberi keutamaan kepada hubungan dua hala bagi jangka masa panjang dan tidak akan membenarkan gangguan sementara menggugat tali persahabatan yang terjalin sekian lama, kata Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar.

"Kita akan membinanya berdasarkan faktor bersama daripada melihat kepada perbezaan. Kita mahu membinanya secara positif daripada bertindak balas pada masalah jangka pendek yang mungkin timbul dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita.

Beliau tiba pagi tadi bagi lawatan rasmi dua hari, yang pertama baginya sejak dilantik Menteri Luar. Beliau mengunjungi Perdana Menteri Goh Chok Tong dan juga mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya S.Jayakumar.

Syed Hamid berkata kedua-dua negara akan terus bekerjasama untuk menyelesaikan isu dua hala secara pakej tetapi tidak menetapkan tempoh tertentu.

"Kita akan capai kata sepakat tetapi kita masih terlalu jauh untuk mencapainya. Perkara utama pakej itu ialah isu air dan apabila ini selesai, yang lainnya akan turut selesai," katanya.

Singapura mahu mengadakan perjanjian air yang baru dengan Malaysia selepas kontrak sedia ada tamat pada 2011 dan 2061.

Isu-isu lain dalam pakej itu;

* lokasi kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar di sini;

* penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara republik itu; dan

* simpanan pencen rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

"Kita tidak akan menyelesaikan setiap satunya secara individu atau berasingan. Jadi kata sepakat akan hanya ada jika kita mencapai persetujuan kepada semua kandungan pakej itu," kata Syed Hamid.

Menurutnya kedua-dua pihak sedar bahawa ia bukan satu tugas mudah.

Para pegawai dari Malaysia dan Singapura telah bertemu tiga kali bagi pakej itu setakat ini dan dijangka bertemu sekali lagi pada Ogos.

Syed Hamid berkata pertemuan beliau dengan Goh dan Jayakumar adalah mesra tetapi mereka tidak membincangkan mengenai kontroversi saham Malaysia yang dibekukan, dahulunya diniagakan di bursa saham Central-Limit-Order-Book (CLOB) Singapura kerana ia membabitkan sektor swasta.

Mengenai tuduhan baru-baru ini daripada kedua-dua pihak bahawa media kedua-dua negara campur tangan dalam hal ehwal dalaman masing-masing, Syed Hamid berkata terpulang kepada media untuk memahami dan peka terhadap perkara berkaitan hubungan luar.

Sebuah rencana lidah pengarang Business Times Singapura yang mempersoalkan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menimbulkan kemarahan manakala media Malaysia dikutuk oleh Singapura kerana "memutar belitkan" laporan mengenai pembangunan semula Istana Kampung Glam di sini sebagai Pusat Warisan Melayu.

Syed Hamid berkata bagi kerajaan Malaysia, Istana Kampung Glam bukannya satu isu tetapi ia merupakan perkara yang menarik minat umum kerana beberapa keluarga terbabit adalah warganegara Malaysia.

Beliau berkata Singapura telah bertindak balas kerana ia merasakan bahawa laporan itu tidak tepat.

Seorang jurucakap Kementerian Luar Singapura berkata Jayakumar dan Syed Hamid bersetuju bahawa penting bagi "kedua-dua kementerian luar terus kekal

berkomunikasi mengikut saluran yang betul" untuk mengurus dan menyelesaikan sebarang masalah dua hala yang timbul dari semasa ke semasa.

Mengenai pakej bagi isu-isu tertangguh, jurucakap itu berkata kedua-dua kementerian "bersetuju bahawa kedua-dua pihak patut cuba mengecilkan jurang agar dapat mencapai persetujuan pakej demi kebaikan bersama."

Jayakumar juga memberi taklimat kepada Syed Hamid mengenai Mesyuarat Menteri-menteri Asean akan datang yang akan diadakan di sini akhir bulan ini.

Mesyuarat menteri-menteri itu akan diikuti oleh Forum Serantau Asean dan Persidangan Lanjutan Menteri-menteri.

Syed Hamid turut menemui kira-kira 200 rakyat Malaysia yang bekerja di republik ini.

-- BERNAMA
TCL RHM MAI